

# Keputusan sudah dimaklumkan kepada PM: Ka Ting

84 13/7/03

KUALA LUMPUR: Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata beliau sudah berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa hari sebelum Majlis Presiden parti itu memutuskan menarik balik penggantungan keahlian dua anggotanya yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang.

Katanya, beliau berbincang dengan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) terlebih dulu untuk mendapat pandangannya mengenai perkara itu sebelum MCA membuat keputusan.

"Saya sendiri memaklumkan kepada Dr Mahathir dan semua pucuk pimpinan BN yang ada di dalam negara pada hari yang sama sebaik saja keputusan mengenai perkara itu dibuat," katanya kepada pemberita selepas pelancaran buku di Wisma MCA, di sini, semalam.

Khamis lalu, Ong mengumumkan Majlis Presiden MCA menarik balik penggantungan keahlian Adun Jawi, Tan Cheng Liang dan

Adun Keramat, Lim Boo Chang, berkuat kuasa serta-merta.

Majlis Presiden MCA pada 16 Disember lalu mengganhng keanggotaan Tan dan Lim yang mengambil pendirian berkecuali ketika BN menolak satu usul pembangkang berkaitan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 billion sehingga siapnya projek Expressway Jelutong berharga RM400 juta.

Penggantungan itu y&g berasaskan laporan cadangan sebulat suara oleh Lembaga Disiplin MCA dan diterima Majlis Presiden bagaimanapun tidak menetapkan tempoh penggantungan.

Ong berkata, MCA sudah menulis surat rasmi kepada Dr Mahathir; Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat serta salinan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga Pengerusi BN negeri itu, Tan Sri Koh Tsu Koon memaklumkan keputusan berkenaan.